Raikan Kasih Ibu bersama Metro





AKTIVITI mengikat getah diantara ibu dan anak.



ANAK menyolekkan ibu antara aktiviti yang dijalankan.



DARI kiri, Siti Rohani Hamid, Norfaiza Hashim dan Suriani Sawal memenangi tiket penerbangan percuma.

# JASA BESAR ENAM ANAK DIKENANG

## ■ Hamidah Seman diangkat Ibu Mithali 2019 dalam acara anjuran akhbar Harian Metro

**Mohamad Fahd Rahmat**
fahd@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Kisah pengorbanan membesarkan enam anak hingga masing-masing berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading, diangkat menjadi juara dalam pertandingan Anugerah Ibu Mithali 2019 anjuran Harian Metro.

Diadakan sempena program Raikan Kasih Ibu bersama Harian Metro 2019 karangan ringkas cetusan Hasfalina Che Man mengenai ibunya, Hamidah Seman, melayakkan wanita itu membawa pulang pakej umrah, sebentuk cincin, plak dan sejambak bunga.

Hasfalina yang kini menjadi pensyarah di Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, dia dan adik beradiknya kini menjadi profesional dalam bidang kejuruteraan kimia, mekanikal dan elektrik selain perakaunan dengan seorangnya sedang menyiapkan pengajian doktor falsafah (PhD) dalam bidang kejuruteraan aeronautik.

Tempat kedua dimenangi oleh Fatimah Masrun melalui hasil karangan ditulis anaknya Mohd Fahmi Badiran manakala tempat ketiga dimenangi oleh Noraini Abu Kassim hasil karangan oleh anaknya Siti Norbaizura Baharudin.

Tempat kedua membawa pulang sepersalinan kebaya, sebentuk cincin, plak dan sejambak bunga manakala tempat ketiga membawa pulang sebentuk cincin, plak dan sejambak bunga.

Dalam pada itu, seramai 250 individu termasuk 30 ibu tunggal Persatuan Wanita dan Ibu Tunggal Witus diraikan dalam program yang diadakan di Four Points by Sheraton, Puchong yang turut menampilkan persembahan nyanyian daripada artis Siti Nordiana dan Syamel.

Majlis dirasmikan Presiden Peniagawati Datuk Azlin Ahmad Shaharbi. Turut hadir, Pengurus Besar Pengiklanan Kumpulan New Straits Times Press (NSTP) Jeannie Leong Lee Fu, Pengarang Eksekutif (Pengeluaran) Harian Metro Ahmad Shukri Sulaiman serta Pengarang Eksekutif Berita dan Digital Harian Metro Noor Sham Salleh.

Dalam pada itu, Ahmad Shukri berkata, program sambutan hari ibu itu adalah kali kelima diadakan dengan kali terakhir diadakan pada 2012.

"Walaupun tanpa majlis besar dalam tempoh tujuh tahun ini namun Harian Metro sentiasa menyokong kempen dan sambutan Hari Ibu menerusi penulisan artikel, berita mahupun rencana.

"Tahun ini tajaan daripada barisan penaja, syarikat korporat, pengiklan dan pengusaha produk serta perkhidmatan program ini kembali dengan tema Raikan Kasih Ibu," katanya.

Penaja bersama program kali ini adalah Hotel Four Points by Sheraton Puchong, diwakili Pengurus Besarnya, Kumar Renoo.

Rakan penaja lain adalah Persada Global, AirAsia, Carissa Collections, SPA Skin Skin Valet Ampang, Khalifah Jewels, Pandora, Wardah, Rumah Kebaya Bangsar, Schatzs, AEON dan Mamee, D&D Beauty House, Nusantara Touch dan Shopee.

Anugerah Ibu Mithali dan cabutan bertuah mendapat tajaan bernilai RM70,000 keseluruhannya.

FOTO: HALIMATON SAADIAH



PENGARANG Eksekutif (Pengeluaran) Harian Metro, Ahmad Shukri Sulaiman (empat kiri) dan Presiden Peniagawati, Datuk Azlin Ahmad Shaharbi (lima kiri) bersama penaja majlis.




NURUL Izzati Mohd Asri memenangi baucar RM1000.



PERUNDING Motivasi Keluarga, Zaid Mohamad memberi ceramah.





PEMENANG Anugerah Ibu Mithali Harian Metro, Hamidah menunjukkan hadiah yang dimenangi.

HASFALINA mencium pipi ibunya


